

# 34 kursus Program Komunikasi UMS ditambah baik

► Menerusi Bengkel Pemurnian Silibus Kursus Pra-siswazah  
UB 22.8.2018 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**S**EBANYAK 50 peratus daripada 34 kursus ditambah baik bagi Program Komunikasi Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketua Program Komunikasi Latif Lai Che Ching berkata, penambahbaikan itu dijalankan menerusi Bengkel Pemurnian Silibus Kursus Pra-siswazah Program Komunikasi FKWS.

Menurutnya, bengkel berkenaan untuk melihat semula kesesuaian



ISMAIL (berdiri) menyampaikan amanat sebelum bengkel bermula.



PESERTA yang mengikuti bengkel berkenaan merakamkan kenangan bersama selepas tamat bengkel. Turut kelihatan Latif (duduk, dua kanan).

“Bengkel ini adalah sebahagian daripada langkah ‘Continuous Quality Improvement’ (CQI) bagi memastikan kursus yang ditawarkan kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa.”

**LATIF LAI CHE CHING**  
Ketua Program Komunikasi

kandungan kursus dengan mengambil kira input dari pihak industri.

“Bengkel ini adalah sebahagian daripada langkah ‘Continuous Quality Improvement’ (CQI) bagi memastikan kursus yang ditawarkan kekal relevan

dengan kehendak pasaran semasa.

“Kali terakhir CQI dibuat untuk Program Komunikasi pada 2013 melalui pemeriksaan penilai luar Profesor Komunikasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM) Prof. Datuk Seri Dr. Syed Arabi Idid,” jelasnya selepas program itu baru-baru ini.

Beliau berkata, buat pertama kalinya bengkel berkenaan dijalankan dengan melibatkan pihak industri.

Latif berkata, kesemua 34 kursus berkenaan merangkumi silibus untuk pelajar Program Komunikasi dari tahun 1 hingga 3.

Bengkel itu turut melibatkan Dekan FKSW Prof. Dr. Ismail Ibrahim, wakil dari RTM Francis Fahir dan Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd (LSE) Zye Marie Dulie.